

Headline	Kisah perjuangan Datu Mat Salleh tarikan utama		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	29 Oct 2013	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	N6	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	126 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,821
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,464



Kisah perjuangan Datu Mat Salleh tarikan utama

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kisah perjuangan tokoh kemerdekaan kelahiran Sabah, Mat Salleh atau nama sebenarnya Datu Mat Salleh, pada era penjajahan Inggeris yang mengga-

bungkan unsur fiksiyen dan sejarah menjadi tarikan utama novel, *Tibabar*, karya Roziah Adama.

Novel yang dilancarkan oleh Rektor Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Prof Dr Mohamad Hatta Azad Khan adalah karya Pensyarah Sambilan di Fakulti Penulisan Kreatif, ASWARA yang banyak

menulis karya kreatif, skrip rancangan televisyen dan dokumentari.

Roziah berkata, penceritaan berlatarbelakangkan dua zaman,

iaitu zaman Mat Salleh berjuang menentang penjajah dan kisah penyelidik dokumentari pada zaman moden yang mengupas susur galur dan perjuangan tokoh itu diketengahkan bagi memberi kelainan dalam novel sejarah itu.

“Novel ini membentangkan tema perjuangan dan percintaan, namun dalam ranah lebih lebar dan indah, ia memaparkan kecintaan sesama manusia serta tanah kelahiran yang saling bertaut dalam hidup manusia.

“Keistimewaan novel ini kerana ia menyerlahkan budaya dan dialek etnik Suluk, Sabah yang diwakili oleh watak Mat Salleh yang berbangsa Suluk dan watak Nenek Lingkak yang banyak membantu pengkaji doku-

